



INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)

**KENYATAAN PELAWAAN MENGEMUKAKAN CADANGAN
SECARA REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) 03/11/2025**

1. Tawaran perkara di atas adalah dirujuk dan sukacita pihak Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) mempelawa Syarikat tuan / puan yang bertaraf Bumiputera menyertai *Request For Proposal* (RFP) seperti berikut:

**REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) BAGI PERKHIDMATAN PENGURUSAN DAN PERUNDINGAN
MAJLIS IKIM EXCELLENCE AWARDS 2025**

NO. RFP & TARIKH PELAWAAN	SYARAT PENDAFTARAN	KOD BIDANG	TAKLIMAT	TARIKH TUTUP & SERAHAN RFP
RFP 03/11/2025 11 DISEMBER 2025 (KHAMIS)	Taraf Bumiputra Berdaftar dengan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia Dan Sijil Akuan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	221304 221305 221306 221507 221511	19 DISEMBER 2025 (JUMAAT) JAM 10.00 PAGI DI BILIK PERSIDANGAN, DEWAN SAJIAN, BLOK D, IKIM	8 JANUARI 2026 (KHAMIS) (sebelum 12.00 tengah hari)

2. Pembekal-pembekal hendaklah mengemukakan Sijil-sijil Asal berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum taklimat bermula:-

- SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA. (BUMIPUTRA)
- SIJIL AKUAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)

3. Pembekal yang berminat diwajibkan menghadiri taklimat kerja seperti butiran di atas dengan membawa bersama dokumen pra kelayakan. Wakil Syarikat diwajibkan membawa bersama surat perwakilan dan cop rasmi Syarikat. Tawaran dianggap sebagai tidak sah dan tidak diperakui sekiranya pembekal tidak menghadiri taklimat kerja.

4. Satu salinan **Sijil SSM, Pendaftaran Syarikat, Penyata Bank tiga (3) bulan terkini, Penyata Kewangan beraudit terkini dan salinan surat pendaftaran Kastam (SST)** jika berkaitan (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan IKIM semasa sesi taklimat. IKIM berhak menolak permohonan yang pada tanggapan IKIM tidak layak.

5. Semua kos berkaitan dengan tawaran dan perkhidmatan ini adalah menjadi tanggungjawab pembekal.
6. IKIM tidak terikat untuk menerima cadangan tawaran terendah atau mana-mana cadangan tawaran. IKIM berhak untuk menerima, menolak atau membatalkan keseluruhan atau sebahagian daripada Dokumen Cadangan oleh pihak Syarikat.
7. Dokumen Cadangan RFP yang telah lengkap diisi **dua (2) salinan** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan ditulis pada bahagian atas penjuru kiri “ **DOKUMEN RFP 03/11/2025** dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di **Kaunter Khidmat Pelanggan, Blok A Bawah, Institut Kefahaman Islam Malaysia sebelum atau pada jam 12.00 Tengahari pada 8 Januari 2026 (Khamis)** dan dialamatkan seperti di bawah:-

**UNIT PENTADBIRAN DAN PEROLEHAN
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA
2, LANGGAK TUNKU OFF JALAN TUANKU ABDUL HALIM,
50480 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03 – 6204 6200**

Dokumen RFP yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebut harga tidak akan diterima.

“MEMAHAMI ISLAM MEMBINA PERADABAN”



INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)

DOKUMEN MAKLUMAT AM

Tajuk	<i>Request For Proposal (RFP) Bagi Perkhidmatan Pengurusan Perundingan Majlis Ikim Excellence Awards 2025</i>
Tarikh Tutup	8 Januari 2026 (Khamis)
Spesifikasi	Seperti di lampiran
Lain-Lain	*Sila sertakan salinan Sijil SSM, Sijil Kementerian Kewangan Malaysia, Kod Bidang, Penyata Bank tiga (3) bulan, Penyata Kewangan beraudit terkini dan salinan surat pendaftaran Kastam (SST) jika berkaitan *Sila Nyatakan "Tiada" jika tidak berdaftar untuk SST.
Pegawai Untuk Dihubungi (Berkenaan spesifikasi)	Al Iskandar bin Mokhtar Pengurus Besar Bahagian Ekonomi dan Pemasaran Tel : 03 – 6204 6380 Emel : aliskandar@ikim.gov.my
Pegawai Untuk Dihubungi (Berkenaan urusan perolehan)	Puan Azhani Binti Zakaria Ketua Pegawai Tadbir/Ketua Unit Pentadbiran dan Perolehan Tel : 03-6204 6302 Emel : admin@ikim.gov.my

REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)

PERKHIDMATAN PENGURUSAN DAN PERUNDINGAN

MAJLIS ANUGERAH IKIM EXCELLENCE AWARDS 2026 INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA

Cadangan hendaklah dikemukakan terus kepada :

Nama : Pn. Azhani Zakaria
Jawatan : Ketua Pegawai Tadbir Kanan
Agensi : Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
Alamat : 2, Langgak Tunku off Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 Kuala Lumpur
Tel : 03-6204 6200
Faks : 03-6201 4189
E-mel : admin@ikim.gov.my

I. MAKLUMAT UMUM

A. Tujuan

Request for Proposal (RFP) ini bertujuan untuk meminta konsultan/perunding perkhidmatan menghantar tawaran bagi perkhidmatan perundingan yang telah dipersetujui iaitu Pengurusan Majlis Anugerah IKIM Excellence Awards.

B. Maklumat Untuk Penghantaran Cadangan

1. Tarikh tutup penghantaran

Cadangan proposal perlu dihantar pada atau sebelum jam 12.00 tengahari pada **8 Januari 2026 (Khamis)**.

2. Pertanyaan

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, boleh menghubungi Al Iskandar Bin Mokhtar, Pengurus Besar Bahagian Ekonomi dan Pemasaran 03-62046200 atau 019 6507976 atau melalui emel aliskandar@ikim.gov.my.

3. Syarat Cadangan

Semua kos dalam penyediaan cadangan ini adalah di bawah tanggungjawab Penyedia Cadangan dan tidak akan dibayar balik oleh IKIM.

4. Arahan Kepada Penyedia Cadangan

Cadangan hendaklah dialamatkan kepada:

**UNIT PENTADBIRAN DAN PEROLEHAN
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA
2, LANGGAK TUNKU OFF JALAN TUANKU ABDUL HALIM,
50480 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03 – 6204 6200**

Cadangan proposal hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan ditulis pada bahagian atas penjurong kiri **“DOKUMEN RFP 03/11/2025** dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di **Kaunter Khidmat Pelanggan, Blok A Bawah, Institut Kefahaman Islam Malaysia.**

Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan cadangan awal pihak tuan terdedah kepada pihak lain.

Adalah menjadi tanggungjawab Syarikat untuk memastikan bahawa cadangan diterima oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada tarikh dan masa yang dinyatakan di atas.

Cadangan hendaklah dihantar dalam dua (2) salinan bercetak. Cadangan yang lewat diterima tidak akan dilayan.

5. Hak Untuk Menolak

IKIM berhak untuk menolak mana-mana atau semua cadangan yang diterima untuk RFP ini. Kontrak kerja untuk cadangan yang diterima adalah berdasarkan faktor yang diterangkan dalam RFP ini.

6. Pemberitahuan

Bagi tujuan pemilihan Syarikat yang berjaya, jangkaan masa adalah dalam tempoh 12 minggu dari tarikh tutup penerimaan. Setelah selesai rundingan terakhir dengan Syarikat yang berjaya, semua Syarikat yang memberikan cadangan akan dimaklumkan statusnya.

C. Perihal Kerja dan Perkhidmatan Yang Diperlukan

Pendahuluan

Majlis Anugerah IKIM Excellence Award adalah inisiatif Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) untuk memberi pengiktirafan kepada organisasi terpilih atas sumbangan yang signifikan, pencapaian cemerlang dan prestasi terbaik khususnya dalam meningkatkan kefahaman Islam melalui teladan yang baik dan patuh syariah dalam menjalankan urusan perniagaan, pentadbiran dan pengurusan.

Objektif IKIM

1. **Menjana Pendapatan:** Tujuan utama penganjuran majlis ini adalah untuk menjana pendapatan kepada IKIM melalui kutipan dana dan penajaan yang diperoleh daripada sumbangan serta jualan meja atau tempat kepada penyumbang.
2. **Peningkatan Jenama dan Reputasi:** Majlis ini bertujuan memberikan kesan yang sangat positif dan strategik terhadap jenama (branding) Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Ini akan menjenamakan semula IKIM sebagai entiti yang berwibawa, relevan, dan berimpak tinggi dalam ekosistem perniagaan serta dunia korporat, baik di dalam mahupun di luar negara.
3. **Pembinaan Jaringan Strategik:** Majlis ini berperanan sebagai platform untuk menarik kehadiran tokoh-tokoh korporat, pengurusan tertinggi, dan pemimpin perniagaan, seterusnya membina jaringan strategik. Ini membuka peluang kepada IKIM untuk bekerjasama dengan pihak berkepentingan yang berpengaruh, sekaligus membolehkan penyebaran pengaruh dan mesej IKIM yang lebih luas dan berkesan.
4. **Peningkatan Profil IKIMfm:** Sebagai rakan pelaksana utama, IKIMfm akan mendapat pendedahan media yang meluas melalui liputan majlis anugerah yang berprestij. Pendedahan ini secara langsung membantu meningkatkan jumlah pendengar dan profil stesen sebagai platform media yang berwibawa dan bertanggungjawab.

D. Jangkaan Kehadiran

Majlis ini bakal dihadiri oleh Sultan Perak / Menteri

E. Cadangan Tempat, Tarikh dan Masa

Tempat : Sekitar Hotel Lembah Klang Bertaraf 5 Bintang
Tarikh : 20 Julai 2026
Masa : 08.00 malam

II. SPESIFIKASI SKOP KERJA

Perunding yang dilantik bertanggungjawab sepenuhnya untuk merancang, mengurus, dan melaksanakan Majlis Anugerah IKIM Excellence Awards secara menyeluruh, yang turut merangkumi sambutan ulang tahun IKIMfm ke-25. Pelaksanaan majlis perlu menepati piawaian tinggi IKIM dan imejnya sebagai institusi yang menjunjung nilai intelektual dan Islam.

Skop kerja utama merangkumi penyediaan dan pengurusan aspek-aspek berikut:

1. Penentuan Matlamat dan Kategori Anugerah:

- 1.1. Bertanggungjawab merumuskan matlamat majlis yang jelas, terperinci, dan objektif strategik, termasuk penetapan metrik kejayaan (*Key Performance Indicators/KPIs*) yang boleh diukur.
- 1.2. Mencadang dan memuktamadkan Kategori Anugerah yang relevan dengan ekosistem korporat, perniagaan, dan pengurusan. Penetapan kategori ini mestilah **selaras** dengan prinsip etika Islam dan nilai-nilai yang disebarluaskan oleh IKIM.

2. Pembangunan Tema, Konsep, dan Atur Cara:

- 2.1 Mencipta dan melaksanakan **Tema dan Konsep** majlis yang **bersesuaian dengan IMEJ IKIM** – menekankan aspek prestij, keunggulan, dan ketamadunan Islam.
- 2.2 Merangka **atur cara rasmi** yang terperinci dan tersusun kemas untuk acara **1 malam** tersebut, memastikan kelancaran majlis dan mematuhi protokol VVIP.

3. Pengurusan Logistik dan Tempat:

- 3.1. Menguruskan pemilihan dan tempahan **tempat majlis** yang sesuai.
- 3.2. Menyediakan dan mengendalikan perkhidmatan **makan minum (catering)** berkualiti tinggi untuk menjamu anggaran **500 orang** tetamu.
- 3.3. Melaksanakan **Hiasan Majlis (dekorasi)** yang eksklusif dan sesuai untuk menampung suasana majlis berprestij bagi **500 orang** hadirin.

4. Pengurusan Anugerah dan Peralatan Teknikal:

- 4.1. Menguruskan proses **pembelian, tempahan, dan penyediaan Trofi Anugerah** yang mempunyai reka bentuk berkualiti premium dan mencerminkan nilai anugerah.
- 4.2. Menyediakan dan mengendalikan semua **Peralatan Teknikal** yang canggih dan berfungsi sempurna, termasuk: **LED Screen** utama, sistem **Pencahayaan** profesional, dan **Sistem Audio** berkualiti tinggi.

5. Pengurusan Bakat dan Persembahan:

- 5.1. Menguruskan pengambilan dan koordinasi dua (2) **Pengacara Majlis** profesional yang beretika dan menepati imej IKIM.
- 5.2. Menyelaras tiga (3) **Artis** persembahan, memastikan persembahan yang dipersembahkan adalah bersesuaian dengan tema dan imej Islami majlis.

III. PENETAPAN HARGA

Cadangan harga hendaklah dikemukakan secara terperinci mengikut pecahan aktiviti dan dihantar secara berasingan. Maklumat harga hendaklah dimasukkan dalam sampul yang bertutup secara berasingan.

IV. BAYARAN

Bayaran akan dibuat selepas kerja-kerja berkaitan diselesaikan.

V. PEMBENTANGAN

Syarikat hendaklah membuat pembentangan kepada pihak Pengurusan pada Tarikh yang akan ditetapkan nanti.

VI. TERMA DAN SYARAT

Syarikat hendaklah menyimpan maklumat yang berkaitan dengan semua kontrak kerja berkenaan. Selain daripada laporan yang dikeluarkan untuk IKIM, Syarikat tidak boleh menerbitkan, mengeluarkan semula atau sebaliknya mendedahkan maklumat seumpamanya secara keseluruhan atau dalam apa jua cara atau bentuk atau membenarkan orang lain berbuat demikian. Syarikat juga tidak boleh berkongsi maklumat berkenaan skop kerja dengan pihak lain sama ada secara verbal atau bertulis tanpa pengetahuan IKIM.

VII. PROSES SEMAKAN

IKIM boleh mengikut budi bicaranya meminta pembentangan oleh atau mesyuarat dengan mana-mana atau semua Syarikat untuk menjelaskan atau merundingkan pengubahsuaian kepada proposal yang dikemukakan.

Walau bagaimanapun, IKIM berhak untuk membuat perbincangan lanjut mengenai cadangan yang dikemukakan. Oleh itu, cadangan hendaklah dikemukakan pada mulanya mengikut syarat yang paling menguntungkan, dari sudut teknikal dan harga yang boleh dicadangkan oleh Syarikat.

IKIM akan mempertimbangkan pemberian kontrak kerja kepada Syarikat yang paling responsif dan bertanggungjawab berdasarkan jumlah penilaian tertinggi.

VIII. PENGALAMAN

Syarikat hendaklah memenuhi syarat berikut:

- i. Pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun dalam Penganjuran majlis dalam dan luar dewan; dan
- ii. Mempunyai rekod prestasi yang baik dengan bukti penganjuran majlis yang terdahulu.

IX. FORMAT DAN KANDUNGAN PROPOSAL

Cadangan hendaklah disusun seperti berikut:

- i. Ringkasan eksekutif;
- ii. Cadangan teknikal (metodologi, pendekatan, carta alir kerja);
- iii. Cadangan kos (butiran kewangan);
- iv. Jadual pelaksanaan projek; dan
- v. Jangkaan penghasilan / output.

X. KRITERIA PENILAIAN

Penilaian akan dibuat berdasarkan:

- i. Kebolehlaksanaan teknikal – 40%
- ii. Pengalaman dan rujukan – 30%
- iii. Harga tawaran – 20%
- iv. Sokongan dan komitmen -10%